

10/08/1997

Parti komponen BN bantu mangsa kebuluran

KUALA LUMPUR: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) bersetuju menderma RM10,000 bagi membantu mangsa kebuluran di Korea Utara kerana kemarau panjang yang melanda negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setiap parti BN bagaimanapun boleh menderma lebih daripada jumlah yang dipersetujui itu.

Beliau yang juga Pengerusi BN, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikannya di sini, semalam.

Bercakap kepada pemberita, Perdana Menteri berkata, BN juga bersetuju supaya setiap mesyuarat Kabinet yang diadakan di luar Kuala Lumpur turut mengadakan mesyuarat BN di negeri berkenaan.

"Kita juga membuat keputusan supaya mesyuarat BN diteruskan sekali setahun atau kalau boleh dua kali (setahun)," katanya.

(END)